

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 72

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci jumlah kos pemberian netbook 1Malaysia yang akan diberi kepada 400,000 guru, serta jenama komputer dan pembekalnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan pemberian Netbook 1Malaysia dianggarkan sebanyak RM400 Juta. Pembelian Netbook ini dikendalikan oleh Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision* "USP") dan proses pemberian akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 48 pembekal telah dilantik oleh kementerian bagi membekal Netbook 1Malaysia kepada 400 ribu guru. Antara jenama netbook yang akan diagihkan adalah seperti berikut:

1. Lenovo
2. Samsung
3. Asus
4. Acer
5. HP